

# Jamal bersara dari arena pertandingan

10 MAR 1990

BANDAR SERI BEGAWAN — Beliau tidak akan lagi menjadi pemburu emas.

Ini kerana apa yang menjadi matlamat perjuangan tidak tercapai setelah tragedi menyimpannya dalam Pesta Sukan Merdeka Brunei.

Keputusan itu terlalu berat untuk dibuat tetapi Jamal Jantan, yang didapati patah tangan kanannya, memutuskan untuk bersara sekaligus cita-citanya untuk memburu pingat emas dalam sukan silat sehingga kini belum tercapai.

*Yusoff Rahman*  
"Saya memenangi pingat gangsa dalam Kejohanan Undangan Dunia di Kuala Lumpur pada 1987 dan pingat yang serupa dalam Sukan Sukan SEA 1989," beliau menerangkan.

Jadi, adalah menjadi matlamatnya untuk memburu pula pingat emas tetapi 'kemalangan' menyimpannya dan menyedarinya usianya kini 30 tahun, Jamal memutuskan untuk bersara daripada menyertai pertandingan tetapi akan terus bergiat dalam sukan ini.

"Saya ingin mengalihkan perhatian menjadi jurulatih. Terlebih dahulu saya harus

memohon untuk mendapatkan lesen jurulatih daripada Unit Pengawalan Silat Mempertahankan Diri (Macu) yang akan dibuat melalui Persisi," kata pesilat yang sering menguntum senyum.

Jamal kemudian menarik perhatian bahawa seseorang pesilat itu boleh bergiat sehingga berusia 35 tahun tetapi sebaik-baik beliau menjadi jurulatih, maka beliau tidak lagi dibenarkan mengambil bahagian.

Itu, ujarnya, adalah peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam sukan ini.

Mengenai tangannya yang patah itu, Jamal memberitahu beliau memerlukan sekurang-kurangnya tiga bulan untuk membuat balutannya itu dibuka.

Sejak mula berkecimpung dalam sukan ini pada usia 12 tahun, ini adalah pertama kali beliau mengalami kecederaan yang serius.

"Saya mula mengalami kecederaan ini semasa menentang Mohamed Hussin Mahmod dari Brunei dan keadaan menjadi lebih parah selepas berdepan dengan Fuzaidi Abdul Rahman dari Malaysia," tambahnya.



**PATAH TANGAN:** Jamal terpaksa bersara kerana kecederaan yang serius ini

## Kemenangan yang memalukan

10 MAR 1990

BANDAR SERI BEGAWAN — Soal pesilat yang berasa akan mengalami kekalahan dan kemudian berpura-pura cedera selepas menerima tumbukan ataupun tendangan di luar kawasan anggota badan yang dibenarkan, adalah sebahagian daripada strategi untuk memenangi perlawanan.

Menurut seorang pesilat Malaysia, perkara ini juga berlaku dalam kejohanan nasional di negaranya.

Ia adalah sebahagian daripada strategi untuk memenangi perlawanan tetapi jelasnya, ia adalah kemenangan yang memalukan. Beliau menyebut kemenangan seperti itu sebagai kemenangan 'teknikal'.

□ □ □ □ □

SETELAH melihat dua peserta bertanding dalam acara silat dalam pusingan pertama, penonton boleh membuat ramalan tentang siapa yang

akan memenangi perlawanan tersebut.

Seorang wanita yang bertugas untuk membuat pengumuman tentang pemenang perlawanan acara ini juga telah membuat pilihannya sejak pusingan kedua.

Beliau kelihatan telah mangkahkan borang yang menyenaraikan nama peserta Thailand, Sumat Sookaew. Seperti yang diramalkan, kelima-lima juri memilih peserta yang berkenaan sebagai pemenangnya.

□ □ □ □ □